

Dadah bernilai RM41.5 juta dirampas

4 Oktober 2019

# Dadah bernilai RM41.5 juta dirampas

Oleh ROSLIZA MOHAMED  
pengarang@utusan.com.my

■ KOTA BHARU 3 OKT.

**P**OLIS merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM41.5 juta dari Januari sehingga September lalu di negeri ini.

Ketua Polis negeri, Datuk Hasanuddin Hassan berkata, jumlah rampasan itu meningkat sebanyak RM9.7 juta berbanding RM31.8 juta bagi dalam tempoh yang sama.

Beliau berkata, pihaknya menyita pelbagai jenis barangan seperti kenderaan, wang tunai dan barang kemas berjumlah RM7 juta berkaitan kes dadah yang merupakan peningkatan sebanyak 20 peratus berbanding RM6 juta sepanjang sembilan bulan lalu.

"Daripada operasi yang dijalankan secara berterusan itu, kita turut menahan seramai 15,521 individu pada tahun ini berbanding tahun sebelumnya seramai 13,381 individu.

"Antara dadah yang dirampas ialah heroin, syabu, ganja, pil

"Antara dadah yang dirampas ialah heroin, syabu, ganja, pil kuda, pil eramin 5, ubat batuk dan air ketum."

**HASANUDDIN HASSAN**

kuda, pil eramin 5, ubat batuk dan air ketum," katanya kepada pemberita selepas Perhimpunan Bulanan di Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan, di sini hari ini.

Hasanuddin berkata, pihaknya akan meneruskan operasi mencegah sebarang aktiviti melibatkan dadah di negeri ini.

Tambahnya, semua kejayaan itu adalah hasil maklumat dan kerjasama yang diberikan oleh orang ramai.

"Kita mengharapkan masyarakat untuk meneruskan kerjasama ini dan menyalurkan maklumat dengan kadar segera agar usaha kita memerangi musuh nombor satu negara ini dapat dibanteras," katanya.



**HASANUDDIN HASSAN** (kanan) menunjukkan sebahagian daripada 11 fotofit suspek yang dikehendaki bagi membantu siasatan berkaitan narkotik dalam sidang media di Ibu pejabat Polis Kontinjen Kelantan, Kota Bharu, semalam. - BERNAMA